

# UMT, WWF bekerjasama maju tanah bencah Setiu

BH 05/07/07 pg-86

**K**UALA TERENGGANU: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menjalinkan kerjasama dengan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia untuk membuat penyelidikan dan kajian membangunkan tanah bencah Setiu, dekat sini, seluas 23,000 hektar.

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Sulaiman Md Yassin, berkata kerjasama itu adalah program pertama UMT dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berfungsi untuk memulihara alam sekitar selepas dinaik taraf daripada Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia (Kustem).

Beliau berkata, tanah bencah itu dipilih kerana ia adalah aset penting Terengganu dalam industri perikanan, pertanian dan pelancongan selain sumber ekonomi dan sumber air bersih kepada penduduk setempat.

Katanya, tanah lembap itu juga berfungsi sebagai zon penampungan banjir, penapis bahan pencemar dan masih mengekalkan habitat haiwan yang semakin terancam seperti tuntung dan penyu.

"Kawasan berkenaan mempunyai 569 spesies hidupan flora dan fauna dan menjadi kewajipan kami untuk

memelihara dan memulihara kawasan ini kerana berpotensi dijadikan pusat pelancongan semula jadi serta memajukan perusahaan kecil dan sederhana.

"Malah melalui tabung pendidikan pelajar, kami yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang biologi marin dan alam sekitar memperuntukkan sebanyak RM400,000 untuk memajukan kawasan ini," katanya pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pengurusan Mapan Tanah Bencah Setiu antara UMT dan WWF, di UMT, di sini, semalam.

Majlis MoU itu disaksikan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar negeri, Toh Chin Yaw. Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Tunggul, Datuk Mohd Nasir Ibrahim Fikri dan Ketua Pegawai Eksekutif WWF, Dr Dionysius S K Sharma.

Sulaiman berkata, antara cadangan aktiviti kerjasama UMT-WWF itu bagi mengenal pasti kawasan sensitif alam sekitar untuk diwartakan dalam menyediakan tempat dialog dan rundingan sebagai persediaan menyediakan pelan pembangunan mapan.

## FAKTA NOMBOR

Penyelidikan dan kajian membangunkan tanah Bencah Setiu

**23,000**

Hektar keluasan tanah

**RM400,000**

Kos maju kawasan